



KURIKULUM PEMBANGUNAN INSAN KUMPULAN PKINK DILANCAR

SEJAJAR dengan objektif kumpulan PKINK untuk melahirkan tenaga insan dan warga kerja yang berkualiti, satu siri kursus yang dinamakan Kurikulum Pembangunan Insan (KPI) kumpulan PKINK telah dilancar dan perasmiannya disempurnakan oleh YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar pada 29 Rabiul Awal 1421. Kursus tersebut menggunakan khidmat tenaga profesional dari Institut Latihan Kepimpinan dan Perkaderan Dakwah Islamiah (ILHAM) diadakan pada setiap Ahad minggu pertama dan ketiga berterusan selama sembilan bulan. Buat permulaan, program ini mensasarkan kumpulan pengurusan pegawai kumpulan 'A' samada di ibu pejabat atau syarikat, wajib menghadirinya. Kurikulumnya mengkhususkan tiga faktor utama iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) diharap mampu memperlembapkan konsep kerja secara Islam kepada anggota-anggota kumpulan PKINK, sekaligus menolak kerangka dari barat. Kesedaran dalam diri juga akan menjadikan anggota-anggota terbabit lebih komited dengan tugas dan tanggungjawab, malahan komitmen dan akauntabiliti kepada Allah dapat dipertingkatkan.

Berucap di majlis pelancaran kurikulum tersebut, YAB. Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat menyarankan agar anggota kerja

P K I N K serta fahaman sekular, sebaliknya gempertingkatkan kefahaman tentang Islam. Perlu disedari bahawa naluri dan kehendak manusia banyak dicituskan oleh nafsu. Oleh itu wajarlah kita menankisnya dengan



menggunakan akal yang waras serta membentangi diri dengan taubat iaitu sesal, tekad dan istighfar. Dengan itu, diharapkan kita yang memikul amanah dan tanggungjawab untuk menjadikan Islam sebagai addin akan tercapai dan tertaksana. Insya Allah. ■



ISSN 0127-3254



9 770127 325003

PESANAN KORPORAT



EBAGAI manusia biasa kita mempunyai pelbagai kelemahan dan kekurangan atau dengan lain perkataan kita tidak memiliki segala bentuk kesempurnaan sebagaimana yang kita inginkan. Bagaimanapun kita perlu menginsafi diri dan mensyukuri kurniaan dan limpahan rahmat Allah kerana memiliki tubuh badan yang sihat serta akal yang waras. Anugerah dan keistimewaan tersebut perlulah kita manfaatkan sepenuhnya terutama sekali dalam meneruskan misi dan visi organisasi kita khususnya sebagai "Penggerak Pembangunan Ummah".

Kebelakangan ini, pihak media, begitu ghairah mengembar-gembur dan mensensasikan isu kerugian serta segala bentuk permasalahan dalaman PKINK, seolah-olah kita tidak pernah sedar dan akur dengan apa yang berlaku. Dalam konteks ini, kita tidak harus mempersalahkan mereka kerana pihak media negara ini mempunyai citarasanya sendiri. Sebagai warga kerja yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap organisasi, kita perlu menerima kritikan tersebut sebagai satu peringatan awal, agar kita sentiasa berhati-hati dan waspada mengendalikan segala urusan. Secara nyata tidak ada seorang pun di dunia ini yang inginkan kegagalan atau sebarang masalah apatah lagi seandainya keadaan tersebut terus menjadi perhatian dan bahan bualan, begitulah juga dengan kita di PKINK. Tidak kita nafikan bahawa memang ada syarikat dalam Kumpulan PKINK yang mengalami kerugian, namun keadaan sebenar tidaklah seburuk yang digambarkan. Sebagai langkah awal untuk keluar daripada permasalahan tersebut, pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan PKINK telah mengambil langkah drastik dengan menutup syarikat-syarikat yang rugi, disusuli dengan penyusunan semula struktur organisasi. Langkah diambil tidak berlaku penganiayaan terhadap mana-mana anggota kerana mereka diberikan perhatian sewajarnya dan ditempatkan semula di bahagian-bahagian tertentu mengikut keperluan terkini serta kesesuaian untuk terus memberikan sumbangan kepada PKINK.

Semua warga kerja Kumpulan PKINK diseru supaya sentiasa bersatu hati dan mempertingkatkan persefahaman sesama kita agar hasrat untuk meraih kejayaan yang lebih gemilang tercapai. Keadaan kita tidak ubah sebuah bahtera yang sedang belayar dan mengharungi samudera yang sentiasa bergelora. Kitalah nakhoda dan kitalah juga jurumudinya. Untuk menjaga keselamatan bahtera supaya tidak karam dan kita tidak lemas ditelan gelombang, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk saling bergandingan, tegur menegur memperbetulkan kesilapan. Sebagai manusia biasa, kita tidak pernah terhindar dari sikap kealpaan. Masalah dan kegagalan bukannya tampanan untuk kita terus tergendah. Toleh sebentar ke belakang dan seterusnya kita perlu memandang jauh ke hadapan untuk meneruskan langkah-langkah perjuangan. Tingkatkan jatidiri, sematkan amanat dan mandat yang kita pikul kemas di sanubari. Pastikan kita tidak mudah lali dengan kemelut sebegini seandainya ia berlaku lagi.

Sayugla diingatkan kepada semua warga kerja Kumpulan PKINK supaya bersatu hati dan bekerjasama sebagai satu pasukan atau sebuah keluarga yang saling menyayangi dan menghormati. Setelah situasi ini tersemat di sanubari tidak ada dari kalangan kita yang akan jatuh dan tersungkur bersendirian kerana ada tangan saudara-saudara kita yang akan membantu... •

Salam Editor

Sidang Editor

Penanggi:

En. Wan Zulkifle b. Wan Yusoff

Ketua Editor:

Hj. Hanifa Ahmad

Editor:

Tn. Hj. Baharuddin Harun

Pen. Editor:

En. Mohd. Adilan Mat Jusoh

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Teh Mariam Mohamed

En. Wan Azizan Wan Yaakub

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Mohd Ramli Hj. Hamzah

Jurufoto:

En. Rusli Hj. Ismail

En. Nik Ayub Nik Him

Berita Kumpulan PKINK

diterbitkan oleh:

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

PERBADANAN KEMAJUAN

IKTISAD NEGERI KELANTAN

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani

Peti Surat 142

15710 Kota Bharu

Kelantan Darul Naim.

Rekabentuk dan Dicitak oleh:

PERCETAKAN & PERNIAGAAN

NIK DAUD SDN BHD

3512-P, Jalan Sultanah Zainab

15050 KOTA BHARU

KELANTAN DARULNAIM

Tel : 09-7483486

Fax : 09-7447233

PKINK DERMA RM 20,000 KEPADA MASYARAKAT ISLAM KEMBOJA

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN (PKINK) telah menderma RM 20,000 kepada masyarakat Islam di Kembodia semasa lawatan Kerajaan Negeri Kelantan ke Negara tersebut baru-baru ini. Derma tersebut disampaikan oleh Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Koprat) PKINK kepada masyarakat Islam yang sudah bertahun-tahun menderita akibat perang yang melanda Negara itu beberapa tahun lalu.

Rombongan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat itu disifatkan sebagai membuka kembali minda Masyarakat Islam di Negara tersebut kerana seorang ulamak dari Malaysia datang mengunjungi mereka.

Masyarakat Islam di Negara tersebut juga merasakan amat bertuah kerana bukan sahaja seorang ulamak dan juga pemimpin tertinggi di salah sebuah Negeri di Malaysia bahkan juga datang dengan sumbang wang serta barangan yang banyak.

Masyarakat Islam di Kembodia yang rata-rata mengkagumi keperibadian Tuan Guru Menteri Besar serta sikap pemurah PKINK yang sanggup menderma barangan keperluan serta kewangan amatlah disyukuri oleh penduduk di sana.

Penduduk kampung Cham sebuah kampung yang penduduknya seratus peratus beragama Islam yang diketuai oleh Hj. Yahya Kasim 72 menyifatkan rakyat Kelantan dan Malaysia sungguh bertuah kerana mempunyai seorang tokoh agama yang juga sebagai seorang Ulil-amri (Pemerintah yang adil).

Katanya kami di sini sudah ketandusan ulamak selepas perang indochina boleh dikatakan semua ulamak mati dibunuh oleh tentera Khmer Rough.



MB menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin di Masjid KMB



Kem Taharan di penyeksan Rajim Poi Pot.

Katanya rakyat Malaysia akan rugi besar jikalau pemimpin dan tokoh ulamak seperti itu ditolak atas kepentingan politik yang tidak berlandaskan Islam. ■



Di hadapan limbunan tengkorak tempat pembunuhan oleh Rajim Poi Pot.



Di hadapan Masjid Kg. Cham.

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE 43

NEGARA kita Malaysia telah merayakan Ulangtahun

Kemerdekaan yang ke 43, 31 Ogos 2000 bersamaan 1 Jamadil Akhir 1421 merupakan tarikh bersejarah yang kedatangannya sentiasa dinanti-nantikan oleh semua warga Malaysia tanpa mengira usia, keturunan serta status kedudukan. Di bawah kibaran megah "Jalur Gemilang", dibakar semangat dan cinta buat negara seumpama air mengalir yang tiada putus dan tiada surutnya. Segenap lapisan rakyat di seluruh negara telah berkumpul bagi memperingati tarikh 31 Ogos sebagai ulangtahun bersejarah hari kemerdekaan Malaysia.

Di peringkat negeri Kelantan, ribuan rakyat membanjiri sepanjang jalan dari kompleks Kota Darulhaim hingga ke Kompleks Sekolah-sekolah Kelantan untuk sama-sama menyaksikan perbarisan Hari Kebangsaan pada tahun ini. Lebih 90 kontinjen yang mewakili jabatan-jabatan persekutuan dan negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta, pasukan beruniform serta pertubuhan-pertubuhan sukarela, PKINK turut menghantar seramai 40 orang pegawai dan anggota dalam perbarisan



tersebut. Perbarisan sejauh 3.8 kilometer itu agak memenatkan, namun segalanya terhindar jua kerana setiap kali tangan dihayun dan setiap kali kaki melangkah ia tersemat dengan semangat cintakan negara yang tidak akan terpadam.

Selain perbarisan tersebut, lain-lain acara seperti persembahan koir, deklamasi sajak turut diadakan pada hari

tersebut. Kejohanan sukan mahabah yang melibatkan semua agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan dan persatuan sukan telah diadakan selama sebulan selaras dengan Kempen Bulan Kemerdekaan. Hadiah-hadiah telah disampaikan kepada para pemenang pada majlis Penutupan Rasmi Kempen Bulan Kemerdekaan pada 17 Jamadil Akhir 1421H. ■

"KEMERDEKAAN YANG KITA CAPAI AKAN LEBIH BERERTI SEANDAINYA KITA MAMPU MEMBUAT PENGISIAN YANG POSITIF, KERANAMU MALAYSIA... KAMI SENTIASA RELA BERKORBAN DAN AKAN TERUS BERJUANG"

PULAI MINING SDN BHD

PULAI MINING SDN BHD is a joint venture company owned by Kelstone and Austral Malaysian Mining, and was set up to explore for gold & minerals in the Pulai tenement south of Gua Musang.

The Chief Executive Officer Mr Grahame Bush (O.A.M) said today the exploration carried out over the last twelve months has identified a number of areas of significant interest. Whilst it is too early to predict any positive outcomes, most of the analytical information obtained through a systematic and very disciplined exploration program is showing encouraging results.



Our exploration team are currently working on potential hard rock sites and virgin alluvial areas as well as a drilling program currently being undertaken on four tailings dumps previously worked by alluvial methods. ■



PERBADANAN TETAP BANTU TABUNG SERAMBI MEKAH

KEGAWATAN ekonomi yang kian pulih malahan semakin rancak berkembang telah memberi peluang kepada Perbadanan Kemajuan Iktised Negeri Kelantan (PKINK) meneruskan tradisinya menghulurkan sumbangan serta menabur bakti dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan di negeri ini.

Sebagaimana kelazimannya PKINK telah menghulurkan sumbangan kepada kerajaan negeri bagi mengisi Tabung Serambi Mekah. Majlis pelancaran dan penerimaan sumbangan pada tahun ini (2000 / 1421) telah diadakan pada 14 Rabiul Akhir 1421 bertempat di Balai Islam Lundang, YABrs. En. Wan Zulkifle Wan Yusoff, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK telah menyampaikan sumbangan kepada YAB. Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada majlis tersebut. Sambutan ulangtahun tabung Serambi Mekah diteruskan untuk tahun kesembilan. Tabung ini terus mendapat sambutan orang ramai memandangkan semakin banyak

organisasi dan individu yang berminat untuk menghulurkan sumbangan. Tabung ini diwujudkan sebagai satu mekanisma kerajaan negeri untuk membantu rakyat yang ditimpa kesusahan. ■



LAWATAN KERJA YAB. DATO' PENERUSI PERBADANAN KE JELI



Di samping itu juga YAB Tuan Guru selaku Pengerusi Perbadanan telah menyampaikan sumbangan bagi pibak Perbadanan kepada keluarga Allabyrbam En. Mat Daud, 60 yang mati dibabam barimau ketika sedang menoreh getah di Bukit Padang, Kuala Balah, Jeli. ■

Pada 7 Jamadil Awal 1421H bersamaan 7 Ogos 2000 YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Perbadanan telah melakukan lawatan kerja sebari ke Dataran Rabuah, Jeli bagi meninjau kemajuan ladang rakyat yang diusahakan oleh Damai Sdn Bhd, sebuah syarikat anak Perbadanan.



PESTA SUKAN GEMAPUTERA VIII

PESTA sukan Gemaputra VIII iaitu sukan antara badan-badan gabungan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUu) tahun ini dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah berlangsung dengan jaya dan meriah. Keadaan ekonomi negara yang sudah semakin pulih, membolehkan sebanyak lapan jenis sukan dipertandingkan di sepanjang kejohanan tersebut berlangsung dari 7 hingga 10 Jamadil Akhir 1421. Acara-acara yang dipertandingkan pada kali ini ialah bolesepak, bola jaring, tenis, karom, gojf, bowling, badminton dan memancing.

Pada kejohanan kali ini, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang membariskan hampir 100 orang pegawai dan peserta telah menyertai kesemua acara yang dipertandingkan. Sebagai perangsang bagi mempertingkatkan semangat juang peserta-peserta PKINK, satu perhimpunan khas telah diadakan pada 4 Jamadil Akhir 1421H bersempena dengan Majlis Penyerahan Bendera oleh YABrs. Ketua Eksekutif.

Berbekalkan semangat "KEGIGIHAN KEKUATAN KECEMERLANGAN" dan anugerah dari kesungguhan kontinjen PKINK telah berjaya menduduki tempat kelima keseluruhan daripada 20 kontinjen yang menyertai kejohanan kali ini. Kemenangan ini disumbangkan oleh pasukan boling yang telah memenangi tempat kedua, pasukan kerom yang menduduki tempat ketiga, pasukan tenis tempat ketiga dan pasukan memancing yang telah meraih tempat keempat. Biarpun tiada sebarang kejutan yang dibuat, namun kontinjen PKINK tetap berpuas hati dengan pencapaian tersebut, memandangkan persaingan kali ini sememangnya sengit. Kemenangan bukanlah pengukur dan kegagalan tidak harus mematikan semangat juang para peserta. Semua peserta yang terlibat terus berazam untuk mempertingkatkan lagi mutu permainan agar kejayaan lebih besar mampu diraih pada mana-mana kejohanan yang akan datang. ■

SELAMAT BERTEMU KEMBALI GEMAPUTERA IX
DI SABAH 2002.





PROGRAM PERCAMBAHAN FIKIRAN DAN HALATUJU KUMPULAN PKINK 2000

PADA 18-20 Jamadil Awal 1421, pengurus-pengurus bahagian PKINK dan pengurus-pengurus kanan syarikat-syarikat anak PKINK telah berkumpul di Tasik Kenyir Golf Resort bagi menghadiri Program Percambahan Fikiran dan Halatuju Kumpulan PKINK 2000. Program ini diadakan setelah penstrukturan semula struktur korporat kumpulan PKINK. Ekoran itu, program tersebut diadakan untuk berbincang halatuju dan mengenalpasti sektor-sektor kegiatan yang perlu diberi keutamaan oleh Kumpulan PKINK.

Program kali ini dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Mohamad Hanapi Mohammad yang juga merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah PKINK. Para pengurus PKINK dan pengurus syarikat-syarikat anak telah dibahagikan kepada lima kumpulan utama yang merangkumi sektor-sektor pertanian, perhotelan, perkhidmatan, hartanah dan perlombongan dan mineral.

Di akhir program, wakil-wakil kumpulan telah membentangkan hasil perbincangan-mereka dan beberapa rumusan positif telah dicapai. Rumusan-rumusan ini kemudiannya dibentangkan dan dibincangkan pada sesi perbincangan halatuju Ahli Lembaga Pengarah PKINK yang diadakan pada minggu berikutnya di Merlin Inn Resort, Cameron Highland.

Program perbincangan halatuju Kumpulan PKINK 2000 yang diadakan di Cameron Highland pada 25-27 Jamadil Awal 1421 telah dihadiri dan dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang juga Pengerusi PKINK. Ahli Lembaga Pengarah lain yang turut hadir ialah :-

1. YB Ustaz Abdul Halim Abd. Rahman (Timbalan Menteri Besar Kelantan)
2. YB Tuan Haji Omar Mohamad
3. YBhg. Dato' Zainun Aishah bt. Dato' Ahmad
4. YBhg. Tuan Syed Ibrahim Syed Abd. Rahman
5. YBhg. Encik Rameli Musa
6. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamad Hanapi Mohammad

Selepas sesi akhir perbincangan, YAB Tuan Guru telah membuat lawatan rasmi untuk meninjau projek ladang sayuran yang sedang diusahakan oleh DAMAI Sdn. Bhd. iaitu salah sebuah syarikat anak PKINK. ■



PAMERAN PRODUK MASYARAKAT ISLAM THAI BANGKOK

SEMANGAT setiakawan sebagai bangsa serumpun dan seagama mempertemukan masyarakat Islam Bangkok dan Kelantan di Kota Bharu pada pertengahan Rabiul Awal 1421. Kerajaan negeri dan rakyat Kelantan telah



memberikan kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan Pameran Produk Masyarakat Islam Thai Bangkok.

Pameran yang berlangsung dari 13 Rabiul Awal hingga 1 Rabiul Akhir 1421 telah disertai oleh wakil-wakil masyarakat Islam Bangkok. Selain daripada pelbagai jenis produk yang dijual, macam-macam jenis makanan masyarakat Thai turut disediakan dan dijual kepada pengunjung. Hasil daripada jualan produk-produk tersebut akan digunakan sepenuhnya bagi menyiapkan pembinaan beberapa buah masjid di Thailand serta disalurkan juga kepada pusat-pusat pengajian Islam di negara berkenaan.

Perbadanan dan lain-lain agensi kerajaan tidak ketinggalan memberi sokongan dengan membuka gerai-gerai pameran untuk menarik minat pengunjung di sepanjang program itu berlangsung.

Apa yang diharapkan persefahaman dan kerjasama erat di kalangan dua rumpun bangsa yang seagama akan berterusan dan mendapat keberkatan Allah jua, InshaAllah. ■



PERBADANAN SERTAI PAMERAN DI UKM

SEMPENA dengan Perayaan Jubli Perak Persatuan Mahasiswa Kelantan (PERDANA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) satu pameran khas telah diadakan pada 25 hingga 30 Rabiul Akhir 1421H. Pameran selama empat hari yang diadakan di Dewan Pusanika UKM telah disempurnakan perasmianya oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan turut disertai oleh pelbagai agensi dari negeri Kelantan.

Pameran tersebut diadakan untuk menonjolkan imej dan memperkenalkan Kelantan khususnya di kalangan masyarakat kampus. Pelbagai program pembangunan serta kejayaan yang telah dicapai

agensi kerajaan dipamerkan PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulan tidak melepaskan peluang untuk menyertai pameran tersebut yang antara lain telah mempamerkan aktiviti-aktiviti serta perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan selaras dengan Motto PKINK; "PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH". Sedikit sebanyak penyertaan PKINK dan lain-lain agensi di pameran tersebut telah dapat menyedarkan beberapa pihak tertentu bahawa Kelantan tidaklah sebegitu mundur dan tidak miskin sebagaimana yang mereka faham kerana disogok dan digembar-gemburkan dengan berita atau maklumat yang tidak tepat. ■

4 orang rentung dalam kebakaran.

Salma... semoga anda tabah menghadapi dugaan

PADA 28 Jamadilakhir 1421, Yabrs. Ketua Eksekutif PKINK bersama dengan YB. Hj. Husam Musa, Abli Parlimen Kubang Kerian telah menziarabi Puan Salma Awang, mangsa kebakaran di Kampung Jelutong, Kota, di Hospital Kota Bharu. Dalam kebakaran tersebut empat orang anak beliau rentung. Manakala seorang lagi, Rustam Cbe Man meninggal dunia selepas bampir seminggu berada dalam keadaan kritikal.

Empat anaknya yang retung pada kejadian malam 18 Jamadil Akhir 1421, kira-kira jam 11.30 malam iaitu Nur Azura, 13, Nur Azlina, 11, Sayuti, satu setengah tahun dan Siti Nur Aderiab, tujuh bulan.

Manakala yang masib dirawat, Rosmani, 9 dan Sanusi, 4. Ketika kejadian berlaku, suami Salma, Cbe Man Awang, 45 tiada di rumah.

Jenazab mangsa dikebumikan di tanah perkuburan Tok Panjang, Wakaf Cbe Yeb. Menteri Besar, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimami solat jenazab di masjid Kota. Turut menunaikan solat jenazab, YB. Takiyudin Hassan, YB. Hj. Annuar Tan Abdullah, YB. Hj. Husam dan YB. Hj. Buni Amin Hamzah.

Menteri Besar dan isterinya, Datin Sabariah Tuan Isbak turut melawat Salma di hospital.

Isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail juga berkesempatan melawat mangsa ketika berkunjung ke Kelantan.

Kepada mana-mana pertubuhan dan individu yang ingin menghulurkan sumbangan bolehlah menghubungi pihak Hospital Kota Bharu atau berbubung terus dengan keluarga Puan Salma di Kampung Jelutong. ■



Al-Fatihah

TANGGAL 20 Jamadil Akhir 1421 ketika seluruh warga kerja PKINK sedang meneruskan kerja-kerja harian, kita dikejutkan dengan berita yang begitu menyedihkan. Ab. Rahman bin Harun, seorang kakitangan Kompleks Perkayuan Kelantan iaitu salah sebuah syarikat dalam kumpulan PKINK telah kembali ke Rahmatullah. Beliau meninggal dunia setelah beberapa tahun menderita penyakit kencing manis dan akhir-akhir ini keadaannya semakin uzur.

Pihak pengurusan dan seluruh warga kerja kumpulan PKINK meng-ucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Sama-samalah kita berdoa semoga rohnya dirahmati Allah dan dihimpunkan di kalangan orang-orang mukmin yang mendapat keredhaanNya jua. Amin. ■



MAJLIS SAMBUTAN PELANTIKAN PENGARAH-PENGARAH DALAM KUMPULAN PKINK

MENJADI pengarah dalam sesebuah syarikat sememangnya tidak semudah bagai dikata. Banyak perkara yang perlu ditangani. Dalam hubungan ini, majlis pelantikan Pengarah-Pengarah Dalam Kumpulan PKINK telah diadakan pada 21 Jamadil Awal 1421. Majlis itu bukanlah sekadar meraikan pengarah-pengarah yang dilantik tetapi ia lebih berupa sesi penerangan dan panduan tentang peranan dan tanggungjawab setiap pengarah. Berbekalkan mandat dan kepercayaan yang diberi mereka perlu memahami peranan dan aktiviti serta berwibawa dalam menentukan arah-tuju syarikat yang diterajui. Pada majlis itu juga, pengarah-pengarah yang baru dilantik, di mana sebahagian besarnya terdiri dari golongan muda disaran supaya menjalinkan persetahaman dan kerjasama dengan orang-orang lama. Ini penting supaya segala keupayaan dan pengalaman dapat digerakkan secara seimbang dalam mengendalikan aktiviti syarikat dengan licin dan berkesan.

Berucap di majlis tersebut, YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat menegaskan bahawa syarikat-syarikat dalam kumpulan perlu bertanggungjawab sepenuhnya kepada PKINK sebagai sebuah badan induk kerajaan negeri. Segala program perlu dirancang, diurus dan dikendalikan sebagai sebuah entiti syarikat-syarikat yang merangkumi semua sektor seperti pertanian, pelaburan, pembalakan, pelancongan dan sebagainya. Ia merupakan



ekonomi negeri yang berperanan secara langsung bagi mempertingkatkan tahap sosio ekonomi rakyat di negeri ini. Selain pengetahuan akademik, pengarah-pengarah yang dilantik juga perlu menolak fahaman dari barat yang masih berunsur jahiliah, sebaliknya mereka perlu memperlengkapkan diri dengan cara pengendalian kerja yang diredhai Allah. Dalam banyak keadaan mereka perlu banyak beristighfar dan sentiasa insaf semoga sentiasa berada dalam keampunan Allah dan terhindar daripada melakukan kesilapan. Setiap keputusan yang melibatkan syarikat perlu dibuat mengikut nas-nas yang betul yakni secara tazkirah dan musyawarah. Dengan berbuat demikian, sedikit sebanyak dapat mengelak daripada dituding oleh mana-mana pihak seandainya kita menghadapi masalah meneruskan projek yang dilaksana. Ini kerana setiap keputusan dan perlaksanaannya tidak dibuat bersendirian dan mengikut suara majoriti dalam syarikat.

Bagi memperlengkapkan lagi kefahaman tentang etika sebagai pengarah dan membina masa depan syarikat yang sentiasa cemerlang, majlis itu turut mengundang YBhg. Profesor Ab. Manap Said,

Pengarah Baitulmal Malaysia untuk menyampaikan ceramah khas kepada pengarah-pengarah yang dilantik.

Syabas kepada semua pengarah yang dilantik. Selagi kita bersatu dan bekerjasama sebagai satu pasukan, Insya Allah kita tidak akan tersungkur sendirian.■



"Kalau dulu... ketika ayah menunggu durian gugur atau memetik buah-buahan di kebun datok nenak kita, ayah sering melamun bila agaknya ayah akan memiliki kebun sebegini untuk anak-anak ayah nanti. Pengalaman pada masa itu... sungguh menyenangkan." kata ayah.

Kini D.A.M.A.I memperkenalkan Ladang Rakyat Dimensi Baru Percutian Keluarga untuk dimiliki.

Nikmati keenakan 'Raja Buah' dan kemanisan 'Dokong'... manisnya 'Limau Madu' dan lazatnya 'Pisang Khaki' di Ladang Keluarga Sendiri.

Setelah berjaya membangunkan Ladang Rakyat yang pada mulanya diperkenalkan di Jesi, Kelantan dengan tanaman Durian dan Dokong dan di Tanah Tinggi Lojing dengan tanaman Limau Madu, Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI Sdn Bhd) kini memperluaskan pembangunan ladang buah-buahannya yang berkonsepkan Agro Tourism dengan pembukaan 2 (dua) buah lagi ladang buah-buahan iaitu Ladang Rakyat Dataran Rabuah Lojing II dan Ladang Rakyat Dataran Rabuah Mukim Relai, Gua Musang, Kelantan.

Ladang Rakyat Dataran Rabuah Lojing II.

yang dimulakan pada bulan Mei 2000 dengan keluasan 130 ekar (1 ekar bagi setiap lot) terletak di Dataran Tanah Tinggi dengan iklim sederhana sepanjang tahun berada kira-kira 30 km dari Cameron Highland dan di tepi Lebuhraya Timur - Barat Kedua yang menghubungkan Simpang Putai - Pos Slim (Perak) Blue Valley (Pahang) Lojing - Gua Musang (Kelantan) dan Kuala Berang (Terengganu). Setiap lot ditanam dengan 120 pokok Limau Madu dan 20 pokok Pisang Khaki.

Harga: RM 38,000.00 hingga RM 42,000.00 satu lot

Ladang Rakyat Dataran Rabuah Mukim Relai.


dengan keluasan 1,500 ekar (2 ekar bagi setiap lot) dilaksanakan secara berfasa dengan Fasa I seluas 400 ekar telah dimulakan pada bulan Oktober 1999. Berada di tepi Lebuhraya Kuala Krai - Gua Musang dengan jarak 55 km dari bandar Kuala Krai, Kelantan. Setiap lot ditanam dengan 45 pokok Durian D197 (kunyit) dan 55 pokok Dokong.

Harga: RM 39,000.00 hingga RM 45,000.00 satu lot

3 konsep pembayaran mudah untuk memiliki ladang Buah-buahan iaitu dengan Bayaran Tunai, Bayaran Ansuran (mengikut peratusan) atau melalui Pinjaman Bank (*Persetujuan pembiayaan pinjaman* oleh Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Muamalat Berhad dan Parwira Affin Bank Berhad).

7 Keistimewaan pemilikan ladang

- Sebagai ladang *Percutian Keluarga* masa depan.
- Berada di kawasan *pembangunan terancang*.
- Terletak di dataran *Tanah Tinggi*.
- Cuaca sederhana sepanjang tahun dengan *udara yang nyaman*.
- Dihubungkan dengan *Lebuhraya dan kemudahan jalanraya* untuk masuk ke ladang tanpa menggunakan kenderaan pacuan empat roda.
- *Pemaju akan menyelenggara ladang* anda dengan kos yang munasabah.
- Mendapat *Kelulusan Jabatan Alam Sekitar*.



Untuk keterangan lanjut hubungi kami di alamat:

Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (D.A.M.A.I)

U B.6, Tingkat M9, Menara Perbadanan, Jalan Tengku Petra Semerak, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 609-746 2805, 746 2807 Fax: 609-747 0713